



IMBASAN KEGEMILANGAN

2014

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN



VISI

Menjadi sebuah universiti
bereputasi antarabangsa

NILAI

Kecemerlangan, Kepelbagaian,
Kelestarian, Integriti

MISI

Memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan
pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan
dan penyebaran ilmu

Matlamat Pelan Strategik UPM 2014-2020

- Mempertingkat Kualiti dan Daya Saing Graduan
- Menjanakan Nilai melalui Ekosistem RDCE yang Mantap dan Lestari
- Melonjak Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat
- Memperkasakan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian
- Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

PUTRA GLOBAL 200

“Pada 2020, UPM akan mencapai kedudukan 200 universiti terbaik di dunia (berdasarkan penilaian QS World University Ranking), di mana kejayaan akademik, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengantarabangsaan bukan sahaja memberi manfaat kepada pembangunan pelajar dan komuniti UPM, tetapi ia juga akan memacu sumbangan bermakna kepada kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat. Semua inisiatif dan pelan berkaitan usaha UPM untuk mencapai kejayaan kedudukan 200 universiti terbaik dunia pada 2020 dikenali sebagai **Putra Global 200**”

Ucapan Perutusan Naib Canselor
3 Februari 2014
Pelancaran Pelan Strategik UPM
2014-2020

SEMARAK ILTIZAM



Tahun 2014 menyaksikan UPM memperoleh pelbagai kejayaan yang merentasi sempadan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kejayaan cemerlang ini menunjukkan komuniti UPM mempunyai integrasi yang kukuh antara bakat, komitmen dan inisiatif yang berpandukan kepada nilai Kecemerlangan, Kepelbagaian, Kelestarian dan Integriti.

Kecemerlangan 2014 adalah impak awal kejayaan Putra Global 200. Ini terbukti apabila UPM berjaya memperbaiki prestasi dan kedudukan dalam QS World University Ranking 2014, iaitu daripada kedudukan 411-420 dalam ranking dunia kepada kedudukan ke-376, peningkatan sebanyak 44 anak tangga berbanding tahun 2013. UPM juga berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam QS World University Ranking by Subjects apabila bidang Pertanian, Perhutanan dan Pendidikan berada pada kedudukan 100 universiti terbaik dunia untuk dua tahun berturut-turut.


Selain itu, kejayaan UPM yang disenaraikan pada kedudukan ke-54 terbaik di dunia dalam bidang Sains Pertanian (Agricultural Sciences) melalui penarafan Best Global Universities Rankings oleh US News and World Report adalah antara pengiktirafan global yang paling cemerlang sepanjang tahun 2014 dan memberi impak yang besar terhadap pembentukan strategi korporat UPM. Sesungguhnya pengiktirafan antarabangsa ini menunjukkan sumbangan UPM dalam penyelidikan dan pendidikan pertanian sejak lebih 40 tahun lalu telah mendapat perhatian antarabangsa dan secara tidak langsung reputasi UPM dalam bidang pertanian berada dalam prestijnya yang tersendiri. Justeru, penerbitan Imbasan Kegemilangan 2014 ini merupakan satu perkongsian pencapaian UPM untuk pelajar, staf dan pemegang taruh UPM. Semoga naskhah ini memberi maklumat yang signifikan terhadap prestasi UPM sepanjang 2014 dan sekali gus memperkuuhkan kolaborasi berimpak tinggi ke arah menjadikan UPM universiti bereputasi antarabangsa.



Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Haji Ramli
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

FAKTA PENTING PENCAPAIAN **2014**



UPM27
MENERIMA
ANUGERAH & PENGiktirafan
ANTARABANGSA





UPM38
MENERIMA
ANUGERAH DALAM NEGARA



SEKILAS KEJAYAAN 2014

Kandungan Pencapaian

12

Best Global
Universities
Rankings

13

Ui-Green
Metric
World
University
Ranking

17

100 IPT Terbaik Dunia dalam
QS World University Ranking
by Subject

18

Anugerah
Akademik
Negara

19

20 Wanita Paling Berpengaruh
Dalam Bidang Sains di Dunia
Islam



14

The Teacher Education
Accreditation Council

Initial Accreditation (5 years) to
the Education Programme at

*Universiti Putra
Malaysia*

for providing evidence of excellence in educator
preparation using the TEAC Quality Domains

15

Webometrics Ranking
of World Universities



16

BRICS &
Emerging
Economics
Ranking,
THE



Anugerah ISESCO (Islamic
Educational Scientific and
Cultural Organization)

21

Juara Festival
Foto ASEAN
2013



25

Presiden ASAIHL (The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning)



29

Ijazah Kedoktoran Berkembar Perancis-Malaysia



22

Anugerah Buku Negara 2014

26

i-Idea
(International Innovation, Design and Articulation)



30

Merit Award for Excellence” dan “Award for Excellence”, Kerajaan Nigeria

30

The Perdana Scholar Award USA 2014



27

IEEE (Institute of Electrical and Electronics Engineers) Early Career Award



30
International Trans Tasman 3MT Competition

31
Top Research Scientists Malaysia & Fellows 2014



28

Tempat Kedua Pertandingan Teknologi Makanan Antarabangsa



31

Karnival E-Learning Universiti Peringkat Kebangsaan

Malaysia Toray Science Award	31
Kecemerlangan Pengurusan Kewangan	32
Ikon Varsiti Berita Harian	32
Anugerah Perdana Belia Negara	32
Anugerah Merdeka 2014	33
Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013	34
Putra Massive Open Online Course (MOOCs)	
Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2014	
Pameran Bio Malaysia 2013	
Pengurusan Harta Intelek Negara	35
Anugerah Emerald	
Ekspo Inovasi Malaysia	
Anugerah Karya Ilmiah 2014	36
Anugerah Muzik Global	
Juara Olahraga SUKIPT 2014	
Juara Mister Planet	
Anugerah Pelajar Perakaunan Terbaik MICPA	37
NIPPON Paint Young Designer Award	
Juara Franchise Business Challenge 2014	
Anugerah Tokoh Siswa	
Sukan Komanwel Glasgow	38
Sukan Asia, Incheon	
Kejohanan Sukan Malaysia Thailand	
Kejohanan Ragbi 10's, Jakarta	39
Kejohanan Antarabangsa Ragbi Hatyai 7	
Kejohanan Ragbi 10's Piala Naib Canselor UPNM	
Kejohanan Ragbi Super 8 IPT	

Kejohanan Ragbi Penang 10's	40
Kejohanan Pesta Hoki Antarabangsa	
Kejohanan Liga Hoki MASUM 2014 Divisyen 1	
Kejohanan Sepaktakraw Antarabangsa, United Kingdom	
Kejohanan 1st Borneo International Outdoor Archery Championship	
Kejohanan Memanah Terbuka UNISZA	
Kejohanan Lawan Pedang Siri 1 IPT-KPM	41
Kejohanan Lawan Pedang Siri 2 IPT-KPM	
Kejohanan Bola Sepak Piala MASUM	
Kejohanan Liga Futsal Wanita IPT	
Liga Futsal IPT Zon Sarawak	
Kejohanan Olahraga MASUM	
Karnival Bola Jaring IPT	42
Sukan Universiti ASEAN, Palembang	
Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT)	
Karnival Sukan MASUM Fasa 2	
Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Melayu Asli MAKUM	
Pertandingan Nasyid Festival Kesenian Islam Antarabangsa	
Pertandingan Nasyid IPT	



BEST GLOBAL UNIVERSITIES RANKING

UPM disenaraikan pada kedudukan ke-54 terbaik dunia dalam bidang Sains Pertanian melalui penarafan "Best Global Universities Rankings" oleh "US News and World Report". Penarafan itu memfokuskan penyelidikan keseluruhan institusi, reputasi global dan serantau, prestasi penyelidikan yang menggunakan indikator penerbitan, staf akademik dan bilangan graduan Ph.D.



Najib Razak ✓

4hb November 2014 · *

Tahniah saya ucapan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang disenaraikan sebagai universiti terbaik Asia Tenggara dalam bidang Sains Pertanian. Selain itu, UPM turut mendapat kedudukan membanggakan dalam kalangan universiti dunia melalui penarafan Kedudukan Universiti Terbaik Global US News and World Report bagi bidang Sains Pertanian. Anda boleh baca lebih lanjut mengenai ucapan tahniah saya di <http://www.najibrazak.com/.../upm-universiti-ke-54-terbaik-d.../>

Suka · Komen

Like Muhammad Adery, Rasyid Redha Mohd Tahir, Pop Cat dan 8,866 yang lain suka ini.

404 kongsian

UI-GREEN METRIC WORLD UNIVERSITY RANKING

UPM berjaya mengekalkan pencapaian cemerlang dalam 50 kelompok terbaik universiti dunia dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2014 apabila menduduki tangga ke-41 di dunia, ke-3 terbaik di rantau Asia Tenggara dan ke-4 terbaik Asia.

UI GreenMetric World University Ranking adalah inisiatif ranking yang diterajui oleh Universitas Indonesia sejak tahun 2010. Ranking ini adalah suatu penilaian yang dibuat untuk membandingkan usaha institusi pendidikan antarabangsa terhadap kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar berdasarkan enam aspek utama, iaitu infrastruktur (15% - setting and infrastructure), tenaga dan perubahan cuaca (21% - energy and climate change), sisa buangan (18%-waste), air (10%-water), pengangkutan (18%-transportation) dan pendidikan (18%-education). Sepanjang menyertai UI GreenMetric World University Ranking, UPM menduduki tangga ke-6 (2010), ke-17 (2011), ke-19 (2012) dan ke-16 (2013) di dunia dan UPM berada pada kedudukan pertama di Asia pada tahun 2010, 2012 dan 2013.

UPM dalam senarai ke-41 terbaik dunia

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) tersenarai dalam kedudukan ke-41 terbaik dunia dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking 2014 yang diterbitkan baru-baru ini, atas usaha melestarikan kampus dan pengurusan alam sekitar.

Inisiatif penarafan yang diterajui Universitas Indonesia itu dimulakan pada tahun 2010 dan berjaya menarik penyertaan 360 universiti dari 62 negara berbanding 301 dari 61 negara pada tahun 2013.

Penarafan kelestarian alam sekitar ini meliputi enam skop utama iaitu infrastruktur yang mewakili 15 peratus markah keseluruhan, tenaga dan perubahan cuaca (21%), sisa buangan (18%), air (10%), pengangkutan (18%) serta pendidikan (18%).

Ketika diminta mengulas mengenai kejayaan itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli (**gambar**) menyifatkan kejayaan itu didorong komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kurikulum serta sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar berkesan.

Katanya, UPM mencatatkan peningkatan terutama dalam indikator pengangkutan dan infrastruktur seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau selain penggunaan tenaga cekap selain peningkatan fasiliti serta penggunaan basikal dalam kampus.





UPM menjadi institusi pengajian tinggi pertama di Asia yang menerima akreditasi untuk program pendidikan guru daripada badan antarabangsa, The Teacher Education Accreditation Council (TEAC) yang berpusat di Washington DC, Amerika Syarikat. Ini meletakkan program pendidikan guru di UPM setanding dengan program pendidikan guru beberapa buah universiti terkemuka Amerika Syarikat yang mendapat akreditasi TEAC seperti University of Virginia, University of Nebraska, University of Michigan, Temple University dan Rutgers University.



Laman sesawang UPM terbaik

Serdang Laman sesawang Universiti Putra Malaysia (UPM) diiktiraf sebagai yang terbaik dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menerusi penarafan antarabangsa, Webometrics, baru-baru ini.

Universiti Sains Malaysia (USM) berada pada kedudukan kedua, disusuli Universiti Teknologi Malaysia (UTM), manakala Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masing-masing pada kedudukan keempat dan kelima.

Webometrics ialah sistem penarafan dijalankan oleh kumpulan penyelidik Cybermetrics Lab

yang juga ahli Majlis Penyelidikan Kebangsaan Sepanyol, dengan menjadikan laman web universiti dan pautannya sebagai indikator untuk mengukur prestasi institusi tersebut pada peringkat global. Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, berkata daripada 20,000 IPT seluruh dunia yang dimilai, UPM berada pada kedudukan ke-420 berbanding ke-510 sebelum ini.

Penarafan antarabangsa

Dalam kalangan negara Asia pula, beliau berkata, UPM menduduki tempat ke-76, sekali gus memperbaiki kedudukan ke-97

pada edisi Julai tahun lalu.

"Ini kali kedua UPM berjaya menduduki tempat pertama dalam kalangan IPT tempatan selepas kali pertama pada Januari 2012. Sebanyak 89 IPT tempatan meliputi 20 awam dan 69 swasta dinilai tahun ini."

"Penilaian itu turut menyenaraikan indikator impak UPM ke-1,088 terbaik dunia, berbanding sebelum ini pada kedudukan ke-1,668," katanya.

Penarafan antarabangsa yang dikeluarkan pada Januari dan Julai setiap tahun itu adalah berdasarkan empat indikator utama iaitu impak, kewujudan, keter-



Mohd Fauzi

bukaan serta kecermerlangan.

Indikator itu antara lain mengambil kira komitmen universiti terhadap pengajaran, hasil penyelidikan, prestij antarabangsa dan rangkaian dengan komuniti, termasuk industri serta ekonomi.

WEBO METRICS RANKING OF WORLD UNIVERSITIES

UPM meraih kedudukan ke-61 dunia untuk penunjuk 'presence' dalam Ranking Web of Universities iaitu ranking laman web institusi pengajian tinggi dalam kalangan lebih 20,000 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh dunia. Penilaian Julai 2014 mencatatkan penunjuk

'openness' UPM ke-136 terbaik dunia, berbanding penilaian Januari 2013 iaitu ke-193 (presence) dan 216 (openness) dunia.

Ini merupakan kejayaan UPM yang paling membanggakan apabila disenaraikan dalam 200 universiti terbaik di dunia bagi kedua-dua indikator berkeraan.

The screenshot shows the UPM website's main page. At the top, there's a navigation bar with links to various university departments like General Admin, Academic Affairs, Research, International, and others. Below the header, there's a banner featuring a photograph of a man in a lab coat working with a microscope. The banner has a red footer bar with white text that reads "Muzium Warisan UPM miliki lebih 30 koleksi keris untuk tatapan". Below the banner, there's a section titled "BAKAL PELAJAR" with a link to "BERITA UTAMA".

BAKAL PELAJAR

BERITA UTAMA

KILAUAN PUTRA 2015
Budayakan lagi era 60an hingga 90an kepada Generasi Y



SETELAHNYA, 11 Mac - Sesiul menghadirkan senarai penyampur yang sukar dilah, dan untuk sediah lamanya gelanggang menyelamat. Hadir pun semoga selamat...

Detik...nya...

PELAJAR SEMASA

UPM jalankan penyelidikan peringkat kedua daun remaja ubati kanser Y



SETELAHNYA, 11 Mac - Sesuatu menghadirkan senarai penyampur yang sukar dilah, dan untuk sediah lamanya gelanggang menyelamat. Hadir pun semoga selamat...

Detik...nya...

I KILAUAN PUTRA 2015 berasaskan era Alan Faouz. Man keadaan Ge?

+ UPM jatuhkan penyokongan pelajar di bawah rencana usul kanser

+ Kolej ST UPM perkenan sistem-1 D UPM

+ Mahasiswa, meski amal beradzan pada, tidak TEP. Tan Sri Muhy

+ Penanaman, pendidikan, asasi perpaduan politik mengancam pengeluaran UPM

+ UPM buat hadar 'Malakat Integ Jalinan Persajiman Pendidikan Sekitar'

Berita-Berita Lain >>

BRICS & EMERGING ECONOMICS RANKING, THE

UPM berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dalam "BRICS & Emerging Economics Ranking" apabila berada pada kedudukan ke-95 bagi tahun 2014. BRICS & Emerging Economics Ranking adalah salah satu kategori penarafan yang dianjurkan oleh Times Higher Education (THE) dalam kalangan institusi di negara yang diklasifikasikan sebagai "emerging economies" yang meliputi 22 buah negara, iaitu Brazil, the Republik Czech, Hungary, Malaysia, Mexico, Poland, Afrika Selatan, Taiwan, Thailand, Turki, Chile, China, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Morocco, Pakistan, Peru, Filipina, Russia and UAE.



Universiti Putra Malaysia

December 4, 2013 ·

UPM made it to top 100 (95th spot) in The Times Higher Education BRICS & Emerging Economies Rankings 2014.

Powered by Thomson Reuters, this ranking includes institutions in countries classified as "emerging economies" by FTSE, including the "BRICS" nations of Brazil, Russia, India, China and South Africa. The top universities ranking uses the same methodology as the Times Higher Education World University Rankings, covering all core missions of a world-class university - teaching, research, knowledge transfer and international outlook – using 13 carefully calibrated performance indicators.

<http://www.timeshighereducation.co.uk/.../brics-and-emerging-...>



BRICS & Emerging Economies Rankings 2014 - Times Higher Education

Times Higher Education World University Rankings ranks the world's top colleges, universities &...

TIMESHIGHEREDEDUCATION.CO.UK

Like · Comment · Share

100

IPT TERBAIK DUNIA DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKING BY SUBJECT

UPM berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam QS World University Ranking by Subjects apabila bidang Pertanian, Perhutanan dan Pendidikan berada pada kedudukan 100 universiti terbaik dunia untuk dua tahun berturut-turut. Manakala bidang Ekonomi & Ekonometrik, Sains Alam Sekitar, Kejuruteraan Awam dan Struktur, Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautikal & Pembuatan berada pada kedudukan 150 terbaik dunia. Selain itu, bidang Farmakologi, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Kimia, Sains Komputer dan Maklumat, Komunikasi dan Pengajian Media, berada pada kedudukan 200 terbaik dunia.

UPM antara 100 terbaik dunia



Bidang Pertanian dan Perhutanan serta Pendidikan di UPM diiktiraf sebagai 100 terbaik dunia.

SERDANG – Bidang Pertanian dan Perhutanan serta Pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) diiktiraf sebagai 100 terbaik dunia mengatasi lebih 2,000 universiti lain.

Menurut penarafan terbaru QS World University Rankings 2013/14, bidang Pertanian dan Perhutanan UPM berkongsi kedudukan 51 ke 100 dengan universiti Asia lain iaitu Tokyo University of Agriculture and Technology, Jepun; Zhejiang University, China; National Taiwan University, Kyushu University, Japan; Korea University, Korea Selatan dan Chiang Mai University, Thailand.

Sebanyak tujuh universiti Asia mendapat kedudukan 50 terbaik bidang Pertanian dan Perhutanan dengan Jepun

memonopoli melalui lima universiti-nya iaitu Kyoto University (tempat 17), The University of Tokyo (19), Hokkaido University (35), Tohoku University (36) dan Nagoya University (48).

Negara lain ialah Kasetsart University, Thailand (33) dan Seoul National University, Korea Selatan (43).

Sementara itu dalam bidang pendidikan pula, UPM turut berkongsi kedudukan 51 ke 100 dengan tiga universiti Asia lain iaitu Universiti Malaya, Malaysia; Beijing Normal University dan Peking University, China dan Seoul National University, Korea Selatan.

Empat universiti Asia lain dalam kategori 50 terbaik bidang pendidikan iaitu University of Hong Kong Nanyang

Technological University, Singapura Chinese University of Hong Kong dan National Taiwan Normal University.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli ketika mengula-berkata, pencapaian yang disumbangkan oleh Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakult Pengajian Pendidikan serta institut UPM yang menyokong bidang itu menunjukkan UPM berjaya membangunkan reputasi antarabangsa untuk standard akademik dan kualiti graduan.

"Peningkatan prestasi fakulti dan institut bidang itu di UPM dalam aspek pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan jaringan antarabangsa dan kebangsaan turut membantu ranking," katanya.



Dari hadapan (duduk) : Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Rashdan Baba
Dari Kiri (Berdiri) : Prof Dr. Azni Idris, Prof. Dr.Hajah Rahinah Ibrahim dan Prof. Dr. Jayakaran Mukundan

ANUGERAH AKADEMIK NEGARA 2013

UPM mengungguli empat daripada lapan Anugerah Akademik Negara (AAN) 2013. Anugerah Tokoh Akademik Negara diterima Naib Canselor pertama, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Rashdan Baba; Anugerah Pengajaran (Kelompok Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan) diterima Prof. Dr. Jayakaran Mukundan dari Fakulti Pengajian Pendidikan; anugerah Seni Visual/Seni Bina/Seni Kraf diterima Prof. Dr. Hajah Rahinah Ibrahim dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina; dan Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk diterima Prof Dr. Azni Idris dari Fakulti Kejuruteraan.

Anugerah Tokoh Akademik Negara adalah pengiktirafan ketokohan tertinggi yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada ahli akademik yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjanaan kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat. Nilai hadiah Anugerah adalah RM200,000 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) berserta sijil pengiktirafan dan trofi dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejak anugerah ini diperkenalkan, empat ahli akademik UPM telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara, iaitu Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim (2007), Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Haji Omar Abdul Rahman (2010), Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Latif Ibrahim (2012) dan Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Rashdan Baba (2013).

20

WANITA PALING BERPENGARUH DALAM BIDANG SAINS DI DUNIA ISLAM

Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Yusoff dinobatkan sebagai antara 20 wanita Islam paling berpengaruh dalam bidang sains di dunia Islam oleh Muslim-Science.Com, portal dalam talian yang memberi tumpuan terhadap usaha menyemarakkan kembali kemajuan dan budaya sains di dunia Islam.

BH FAMILI PENGALAMAN JU
STATUS INDIVIDU UNT
CHEF PROFESIONAL

Saintis wanita sanjungan dunia

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

INFO

Prof Datuk Paduka Dr. Khatijah Yusoff
Usia: 57 tahun
Asal: Pulau Pinang

Ahamdulillah, saya tidak sangka tersenarai antara 20 wanita Islam paling berpengaruh di dunia. Seva menganggap ia pengiktirafan terbaik dan memberikan saya semangat untuk terus membangunkan dunia sains dan teknologi. "Ia juga membuka mata dunia mengenai keupayaan Malaysia dalam bidang sains dan teknologi, selain pencetus semangat kepada saintis lain untuk terus mencuba serta meraih hasil penyelesaikan,"

» Khatijah antara 20 paling berpengaruh dalam bidang sains di dunia Islam di peringkat antara bengsa.

Kejayaan Khatijah turut diraikan seluruh warga UPM apabila kain rentang penghargaan bercetak besar gambarinya tentera perkataan "Tahniah" di laman masek stama universiti ini.

Mikroskop malnan diliyarmi

Anak keempat daripada lima berkepadanya pasangan pegawai pertama hospital dan suri rumah berkait sejak leci belum menua bercita-cita menjadi saintis sehingga membaca berbantuan al-



Prof. Dr. Mahiran Basri bersama YB Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pendidikan, bergambar ketika menerima pengiktirafan ISESCO di Morocco pada 18 Disember 2014 yang lalu. Kejayaan Prof. Mahiran adalah kejayaan kedua UPM apabila Prof. Dr. Mohd. Sapuan Salit dari Fakulti Kejuruteraan pernah menerima pingat emas ISESCO kategori teknologi pada tahun 2008 di Baku, Azerbaijan.

ANUGERAH ISESCO BAGI SAINS DAN TEKNOLOGI

Pengarah, Pusat Asasi Sains Pertanian, Prof. Dr. Mahiran Basri memenangi anugerah "Islamic Educational Scientific and Cultural Organization (ISESCO) for Science and Technology (S&T) 2014" di Morocco. Pengiktirafan itu berdasarkan penyelidikan yang aktif dan cemerlang dalam bidang kimia termasuk penyelidikan minyak kelapa sawit yang menyumbang kepada industri farmasi dan kosmetik.

Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) telah ditubuhkan oleh Organisation of the Islamic Cooperation (OIC) pada Mei 1979. ISESCO adalah salah satu pertubuhan Islam antarabangsa yang terbesar dan mengkhususkan dalam bidang pendidikan, sains, dan kebudayaan. Ibu pejabatnya terletak di Rabat, Maghribi. Antara objektif ISESCO ialah mengukuhkan kerjasama antara negara-negara ahli (OIC) dalam bidang pendidikan, sains, budaya dan komunikasi, pembangunan sains gunaan dan penggunaan teknologi yang termaju dalam kerangka idea dan nilai-nilai Islam, mengukuhkan kefahaman dalam kalangan umat Islam, dan menyumbang kepada pencapaian keamanan dunia dan keselamatan, terutamanya melalui pendidikan, sains, budaya dan komunikasi.

JUARA FESTIVAL FOTO ASEAN 2013

Filem dokumentari 'Jungle Beat' terbitan Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) mendapat tempat pertama kategori video dan dokumentari pada Festival Foto dan Dokumentari Filem ASEAN 2013.



ANUGERAH BUKU NEGARA 2014





Penerbit UPM menerima Anugerah Perdana: Kategori Penerbit Universiti Awam pada Anugerah Buku Negara 2014 yang berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC).


Selain itu, tiga karya terbitan Penerbit UPM turut memenangi anugerah iaitu buku umum terbaik dan reka seni grafik terbaik. Anugerah yang dimenangi ialah:

- **Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Pendidikan)** bagi buku berjudul *Program Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia Dunia Sains dan Teknologi* karya Zulikha Jamaludin dan Husniza Husni
- **Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Biografi)** bagi buku berjudul *Hassan Ahmad: Cendekiawan Melayu Terulung* karya Nor Azuan Yaacob
- **Anugerah Reka Seni Grafik Terbaik** bagi buku berjudul *With Knowledge We Serve* karya Mohamed Shariff Mohamed Din, Samsilah Roslan, Jayakaran Mukundan dan Zulkifli Idrus

Anugerah Buku Negara ini adalah anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara yang diadakan setiap tahun. Objektif anugerah ialah untuk mengiktiraf dan menghargai warga penulis tanah air serta memberikan suntikan serta galakan kepada para penulis, penerbit dan editor.



SEKILAS KEJAYAAN 2014



NAIB CANSELOR DILANTIK SEBAGAI PRESIDEN ASAIHL

Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Ramli dilantik sebagai Presiden, Lembaga Pemegang Amanah The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL) yang baharu bermula dari Januari 2015 hingga Disember 2016 menggantikan Prof. Dr. Idrus A. Paturusi dari Indonesia. Pelantikan ini dibuat semasa persidangan pertubuhan itu di Nanyang Technological University, Singapura.

The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL) ditubuhkan pada tahun 1956 di Bangkok sebagai organisasi bukan kerajaan yang bertujuan untuk membantu institusi anggota dalam memperkuuhkan institusi masing-masing dan sekali gus membantu mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa sama ada dalam bidang pengajaran, penyelidikan ataupun perkhidmatan awam. Secara

Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Ramli merupakan Presiden ASAIHL yang ke-32. UPM pernah memegang jawatan tersebut pada 1985-1986 melalui Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim dan 1999 – 2000 melalui Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Ariffin.

khususnya, ASAIHL ditubuhkan untuk merangsang pembangunan institusi, pemupukan semangat identiti serantau, dan saling berhubungan dengan institusi antarabangsa yang terlibat dalam meluaskan aktiviti penyelidikan dan pengajaran.

Ia menyediakan peluang untuk perbincangan mengenai pembangunan akademik dan perkembangan umum Universiti; membantu institusi ahli dalam pengambilan dan penempatan Fakulti dan kakitangan, pertukaran profesor dan pelajar, pembangunan kerjasama projek yang signifikan; menyediakan khidmat nasihat perunding; menguatkan hubungan dengan badan-badan serantau dan antarabangsa dan memastikan institusi ahli dimaklumkan tentang perkembangan dalam institusi serantau, mengiktiraf dan mengakui pencapaian antara institusi pengajaran tinggi di Asia Tenggara.

RAIH EMAS DAN "DIAMOND AWARD" di I-IDEA

Dua penyelidik dari Fakulti Ekologi Manusia, Dr. Mohamad Fazli Sabri dan Nurhayatul Nira Ramli meraih emas dan hadiah utama (Diamond Award) bagi kategori "Profesional Inventor" melalui inovasi "Kit Bijak Wang: Anak Bijak Cerdik Duit" pada International Innovation, Design dan Articulation (i-IdeA 2014).

Dr. Mohamad Fazli Sabri menunjukkan Kit Bijak Wang : Anak Bijak Cerdik Duit yang telah berjaya meraih Diamond Award dan pingat emas di i-IdeA 2014

"Kit Bijak Wang : Anak Bijak Cerdik Duit" terdiri daripada 16 bahan pengajaran interaktif berbentuk permainan yang disusun mengikut kesesuaian kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun. Kit itu mengandungi 6 unit asas pengurusan kewangan, iaitu Mari Kenal Wang, Matlamat Kewangan, Keperluan vs Kehendak, Simpanan, Belanja dan Bajet serta Konsep Asas Perbankan Islam. Kit ini membantu ibu bapa dan guru memberikan pemahaman awal kepada kanak-kanak berkaitan konsep asas wang dan pengurusan kewangan dengan menyediakan model aktiviti pendidikan kewangan yang bersesuaian dengan tahap umur dan perkembangan kanak-kanak. Kit Bijak Wang juga mampu membina keupayaan kanak-kanak untuk menjadi pengurus kewangan yang berhemah dan berintegriti tinggi. Produk ini pernah memenangi gangsa kategori Terbuka : Sains Sosial dalam Ekspos Inovasi Islam atau lebih dikenali sebagai i-Inova pada 25-27 Oktober.





Dr. Thinagaran Perumal menunjukkan plak IEEE CE Early Career Award yang dimenanginya ketika 2014 IEEE 3rd Global Conference on Consumer Electronics (GCCE) Tokyo, Japan, pada 7-10 Oktober 2014

MENANG EARLY CAREER AWARD 2014, TOKYO

Pensyarah kanan Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM), UPM Dr. Thinagaran Perumal memenangi anugerah IEEE CE Early Career Award 2014 di Tokyo, Jepun. Untuk julung kalinya, Malaysia memenangi anugerah itu yang sebelum ini dimenangi oleh Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman.

Anugerah IEEE CE Early Career Award adalah anugerah tahunan yang dikelolakan oleh IEEE Consumer Electronics Society bagi mengiktiraf sumbangan individu dalam bidang

elektronik pengguna pada peringkat awal kerjaya, dan sekali gus menggalakkan dan menyokong pembangunan kerjaya awal profesion elektronik pengguna. Pertimbangan untuk penerima anugerah ini mengambil kira faktor seperti kepimpinan atau penglibatan pasukan dalam bidang berkenaan; merit teknikal atau reka cipta; projek atau inisiatif organisasi; dan kesan positif profil awam profesion. Calon juga mestilah menjadi ahli penuh IEEE (regular, senior or fellow) dan Persatuan CE pada masa penamaan dibuat. Maklumat lanjut boleh dicapai melalui: <http://cesoc.ieee.org>

TEMPAT KEDUA PERTANDINGAN TEKNOLOGI MAKANAN ANTARABANGSA

Kumpulan pelajar pasca siswazah dari Institut Biosains dan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul memenangi tempat kedua persaingan teknologi makanan antarabangsa di New Orleans, Amerika Syarikat yang dianjurkan oleh Institute of Food Technologists Student Association (IFTSA), Amerika Syarikat.

Pelajar-pelajar tersebut telah bersaing dalam Developing Solutions for Developing Countries (DSDC) yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Morial New Orleans pada 23 Jun 2014, bersempena dengan Mesyuarat Tahunan IFT kali ke-14 dan Ekspos Makanan (21-24 Jun 2014). Pasukan UPM diwakili oleh tiga pelajar pascasiswazah, iaitu Lee Yee Ying, Tang Teck Kim dan Phuah Eng Tong (Institut Biosains) dan dua pelajar lagi dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, iaitu Mo Shuen Yeing dan Gan Yee Lin.

Pasukan DSDC dari UPM meraih tempat kedua untuk produk inovatif "SunnySoy", iaitu mi segera berprotein tinggi yang berjaya dibangunkan dengan kos rendah melalui penggunaan kacang soya yang telah dinyah lemak, manakala campuran bunga matahari pula, menggunakan kaedah pemprosesan yang mudah.

Mi segera berwarna coklat gelap ini boleh dimakan sebagai snek sihat berprotein dan rangup atau dimasak beberapa minit untuk menghasilkan tekstur licin, segar dan kenyal serta boleh juga dinikmati dalam semanguk sup beraneka perisa. Tahun 2013, pelajar pascasiswazah Sew Chang Chew, Tan Tai Boon, Mohd Asraf Mohd Zainudin, Kuan Chee Hao dan Najla Gooda Sahib meraih hadiah pertama dalam pertandingan yang sama yang diadakan di Chicago, iaitu satu pencapaian cemerlang yang mengulangi kejayaan di Las Vegas pada persaingan 2012.

Pasukan pelajar UPM bersama pembimbing projek, Prof Dr Tan Chin Ping ketika di Pusat Konvensyen Morial New Orleans, Amerika Syarikat



PEROLEH IJAZAH KEDOKTORAN BERKEMBAR PERANCIS- MALAYSIA



Low Mei Lee berjaya memperkenalkan kaedah perintis bagi sintetik untuk menyediakan agen terapeutik lebih baik terhadap kelas sebatian yang dikaji oleh sekumpulan penyelidik UPM sedekad yang lalu.

Pelajar jurusan kimia, Low Mei Lee memperoleh ijazah doktor falsafah berkembar Perancis-Malaysia, pencapaian yang dianggap jarang diraih. Beliau adalah penerima kedua dari Malaysia memperoleh ijazah kedoktoran berkembar Perancis-Malaysia sejak “cotutelle” atau ijazah seliaan bersama itu diperkenalkan pada tahun 1999.

Low Mei Lee memulakan pengajian kedoktoran dalam program sintesis di UPM pada tahun 2010, telah dianugerahkan biasiswa Eramus Mundus:

MAHEVA bagi melanjutkan penyelidikan kedoktorannya di bawah seliaan Prof. Clotilde Policar di Laboratoire des BioMolecules, Universite Pierre et Marie Curie (UPMC), Paris untuk tempoh 22 bulan bermula November 2011. Beliau merupakan bekas pelajar Sekolah Perempuan Air Panas Setapak, memperoleh ijazah Bacelor Sains (Kimia) kelas pertama pada 2010, serta pernah dianugerahkan Pencapaian Tertinggi Akademik bagi jurusan Kimia.

1 MERIT AWARD FOR EXCELLENCE” DAN “AWARD FOR EXCELLENCE” DARIPADA KERAJAAN NIGERIA



Dr. Indrakaran T. Karthigesu mendapat anugerah “Merit Award for Excellence” dan “Award for Excellence” daripada kerajaan Nigeria kerana sumbangan beliau dalam sistem pengurusan sisa pepejal di negara itu. Beliau berperanan sebagai penasihat kepada seorang pelajar sarjana dari Nigeria, Muhammed Kamaluddeen Lawan yang membuat kajian pengurusan sisa pepejal untuk membaiki sistem itu di negaranya.

2 PERDANA SCHOLAR AWARD USA 2014



Dr. Noor Syamilah Zakaria, Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM dipilih sebagai penerima The Perdana Scholar Award USA 2014, kategori Penerbitan. Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap kecemerlangan pelajar di bawah biasiswa tajaan kerajaan dalam pelbagai bidang di Amerika Syarikat. Kategori Penerbitan khususnya dianugerahkan kepada pelajar yang telah menghasilkan pelbagai penulisan ilmiah dan berjaya menerbitkan hasil penulisan berkenaan dalam pelbagai jurnal berwacan serta makalah akademik bermutu tinggi dan mendapat pengiktirafan global.

3 FINALIS PIDATO “INTERNATIONAL TRANS TASMAN 3MT COMPETITION”

Pelajar Ph.D (Sains Produk Halal), Institut Penyelidikan Produk Halal UPM, Siti Aimi Sarah berjaya menjadi finalis dalam kelompok 10 speaker terbaik peringkat akhir “International Trans Tasman 3MT Competition”. Pidato tiga minit bertajuk “Meat CSI: Detecting Culprit Species in Meat Products” adalah mengenai biomarker (protein penanda) untuk spesies haiwan khusus bagi mengesan pencemaran daging lain dalam produk daging halal.



Siti Aimi Sarah ketika menyampaikan pidatonya bertajuk “Meat CSI: Detecting Culprit Species in Meat Products semasa International Trans Tasman 3MT Competition”

4 ANUGERAH “TOP RESEARCH SCIENTISTS MALAYSIA & FELLOWS 2014”



Tiga pensyarah UPM menerima “Top Research Scientists Malaysia (TRSM) & Fellows 2014” iaitu Prof. Dr. Jinap Selamat dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (TRSM & Fellows 2014); Prof. Ir Dr. Mohd Zainal Abidin Ab Kadir, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), Fakulti Kejuruteraan (TRSM 2014); dan Prof. Dr. Abdul Rahman Omar, Pengarah Institut Biosains (TRSM 2014).

5 ENAM EMAS PADA KARNIVAL E-LEARNING UNIVERSITI PERINGKAT KEBANGSAAN



UPM memperoleh 6 pingat emas dan 16 pingat perak pada Karnival E-Learning Universiti peringkat kebangsaan (NUCEL2014). UPM menghantar 22 penyertaan dalam pertandingan tersebut yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi KPM dan Majlis E-Learning IPTA Malaysia (MEIPTA).

6 MENANG ANUGERAH MALAYSIA TORAY SCIENCE AWARD

Pensyarah Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Shamshuddin Jusop memenangi anugerah Malaysia Toray Science Award (MTSF) atas sumbangan dalam bidang sains dan teknologi, melalui inovasi teknologinya yang boleh meningkatkan kualiti pengeluaran padi di Malaysia. Anugerah yang sama juga turut dimenangi oleh pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Elaine Chin Jinfeng meraih anugerah itu melalui projek bertajuk “Identification and Bioactive Potential of Endophytes Isolated from Strobilanthes Cripus, a Local Medical Plant in Malaysia.”



Prof. Dr. Shamshuddin Jusop (ketiga dari kanan) sedang menerima anugerah Malaysia Toray Science Award (MTSF) 2014

7 ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN



8 ANUGERAH IKON VARSITI BERITA HARIAN



Anwarrul Aswad Ahmad (kanan) dan Chia Wen Shin (kiri) sedang menunjukkan piala kemenangan sebagai ikon varsiti dalam kategori masing-masing

Dua pelajar UPM, iaitu Anwarrul Aswad Ahmad yang juga atlet negara dalam sukan ragbi dan Chia Wen Shin - menerima anugerah Ikon Varsiti Berita Harian 2013. Anwarrul Aswad pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi memenangi kategori individu (sukan), sementara Wen Shin, pelajar Fakulti Pengajian Alam Sekitar memenangi kategori (Pengantarabangsaan).

UPM telah mendapat Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti 2013 dengan pencapaian empat (4) bintang (sangat baik) dengan jumlah markah 93.07 dan menjadikan UPM di tempat pertama dalam kalangan IPT dan ketiga terbaik keseluruhan selepas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). UPM pernah memenangi Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK) bagi kategori badan berkanun anjuran Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2007 dan kejayaan 2013 ini membuktikan bahawa pengurusan kewangan UPM telah diiktiraf sebagai agensi yang mencapai tahap piawaian secara konsisten sebagaimana ditetapkan.

9 ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA



Jufitri Joha sedang menerima sijil Anugerah Perdana Belia Negara dan mock-up cheque daripada YAB Perdana Menteri semasa persidangan Majlis Konvensyen Belia Kebangsaan 2014

Jufitri Joha, pelajar tahun pertama jurusan Doktor Falsafah Pengajian Belia di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) menerima Anugerah Perdana Belia Negara 2014 bagi Kategori Lelaki pada Majlis Konvensyen Belia Kebangsaan.

ANUGERAH MERDEKA 2014

Pensyarah Kanan Fakulti Sains, Dr. Lim Hong Ngee menerima geran Anugerah Merdeka 2014 bagi menjalankan kajian kit pengesanan kanser payudara daripada ujian darah menggunakan teknologi nano.

Geran Anugerah Merdeka mula diwujudkan di bawah Amanah Anugerah Merdeka pada tahun 2012 melalui tajaan Petronas, ExxonMobil dan Shell.

Geran ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada golongan muda yang berbakat dan sekali gus menjadi peranggang kepada generasi muda untuk menghayati semangat kemerdekaan serta meneruskan usaha memajukan negara tanpa mengira disiplin yang diceburi. Geran tersebut terbuka kepada

semua rakyat Malaysia berusia 22 hingga 35 tahun. Penerima Geran Anugerah Merdeka akan ditempatkan di institusi antarabangsa yang berprestij selama tiga bulan bagi menimba pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang dikhodusukan. Maklumat lanjut boleh dicapai melalui :

<http://www.merdekaaward.my>

Kejayaan yang sama pernah dicapai oleh UPM melalui pensyarah Kanan Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian, iaitu Dr. Natrah Fatin Mohd. Ihsan. Kajian yang dijalankan oleh Dr. Natrah ialah penggunaan mikroba bagi meningkatkan mutu persekitaran dan kesihatan ternakan akuakultur di negara ini.



Dr. Lim Hong Ngee menunjukkan sijil kejayaan beliau menerima geran Anugerah Merdeka 2014

LAMAN WEB RAIH LIMA BINTANG MGPWA

Laman web/portal UPM mendapat penarafan lima bintang dalam penyediaan laman web dan portal melalui “Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013” (MGPWA 2013).

UPM mencipta sejarah sebagai universiti pertama di negara ini menggunakan platform dalam talian yang dikenali sebagai “Putra Massive Open Online Course” untuk memudahkan staf akademiknya menyebarkan ilmu kepada semua pihak yang berminat.

UNIVERSITI PERTAMA DI MALAYSIA GUNA PLATFORM DALAM TALIAN SEBAR ILMU

MENANG 5 PINGAT EMAS DI MTE 2014

UPM memenangi lima pingat emas, 12 perak, 10 gangsa dan satu anugerah khas pada pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2014.

Penyelidik UPM memenangi pingat perak dalam Pameran Bio Malaysia 2013 dengan inovasi pokok tuba atau ‘*derris elliptica*’ sebagai racun perosak yang selamat, berkesan dan mesra alam menggunakan ekstrak bahan aktif dalam bentuk formulasi elmusi nano.

PINGAT PERAK DI PAMERAN BIO MALAYSIA



HADIAH UTAMA PENGURUSAN HARTA INTELEK NEGARA

UPM mengungguli hadiah utama Pengurusan Harta Intelek Terbaik bagi kategori Organisasi yang disampaikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek.

Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM mendapat tempat ketiga (kategori pengurusan) pada Konvensyen KIK Perpustakaan Se Malaysia 2014. Pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) - SMART ACQLIB Berjaya mewujudkan inovasi dalam sistem pengurusan kerja bagi tajuk projek "Pemprosesan Buku Baharu Melebihi Tempoh 3 Bulan yang Ditetapkan."

ANUGERAH EMERALD

Penyelidikan mengenai imej korporat yang dihasilkan dua pensyarah UPM bersama seorang penyelidik daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP) terpilih untuk anugerah '2014 Highly Commended Paper' oleh Emerald Group Publishing.

Kaedah penanaman padi secara Sistem Intensifikasi Padi yang dibangunkan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, Dr. Aimrun Wayayok memenangi pingat emas Ekspo Inovasi Malaysia (MIEx-po) 2013 dan gangsa di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE 2014).

EMAS EKSCO INOVASI MALAYSIA

ANUGERAH KARYA ILMIAH 2014

Pensyarah Fakulti Sains, Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail memenangi Anugerah Karya Ilmiah 2014 (kategori sains dan teknologi) atas penerbitan buku *Mantik dan Etnomantik* yang dipilih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Majlis Profesor Negara (MPN) 2014 sebagai buku terbaik sempena Bulan Bahasa Kebangsaan. Anugerah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Maestro biola dan Ketua Jabatan Muzik Universiti UPM, Dr. Joanne Yeoh, memenangi Pingat Emas Anugerah Muzik Global (GMA) melalui album berjudul "After A Dream."

EMAS ANUGERAH MUZIK GLOBAL (GMA)

JUARA OLAHRAGA SUKIPT 2014

Atlet UPM mempertahankan kejuaraan olahraga Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 dengan memperoleh 12 pingat emas, 8 perak dan 9 gangsa.

Pelajar Sarjana Perubatan Nuklear (Pengimejan Molekul) UPM, Nazmi Nordin menjuarai Mister Planet Malaysia serta dilantik sebagai duta untuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menjadi ikon belia dalam isu alam sekitar.

JUARA MISTER PLANET

ANUGERAH PELAJAR PERAKAUNAN TERBAIK MICPA

Pelajar jurusan perakaunan Shazrin Eqwal Sulaiman memenangi Anugerah Cemerlang Pelajar Perakaunan Terbaik 2013 oleh Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

UPM telah memenangi lima anugerah dalam Nippon Paint Young Designer Award (NYPDA) 2014. ANugerah tersebut dimenangi melalui pelajar UPM, Wong Kail Li yang memenangi Gold Award for Architecture, Lee Sim Chuan meraih anugerah Honorary Mention for Architecture dan Mukmin Abdullah memenangi anugerah Finalist for Architecture. UPM turut memenangi dua lagi anugerah dalam pertandingan tersebut, iaitu Wan Srihani yang memenangi Gold Best Lecturer Award dan UPM juga telah dinobatkan sebagai Gold Best College/ University Award secara keseluruhan.

NIPPON PAINT YOUNG DESIGNER AWARD

JUARA “FRANCHISE BUSINESS CHALLENGE 2014”

Pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM - Robiatul Adawiyah Salihuddin Ayobi, Ahmad Roslan, Abdul Hadi Zaini, Noor Ameyra Zaperi dan Nurul Farhana Bambang Suito - menjuarai pertandingan “Franchise Business Challenge 2014”. Pertandingan bertujuan mendekatkan sivawazah dengan realiti dan suasana industri francais serta membolehkan peserta berinteraksi secara langsung dengan penggiat francais di Malaysia.

Pelajar UPM, Mohd Hafez Mohd Khalid memenangi anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik, manakala Ahmad Zharif Arbi memenangi Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik pada majlis Anugerah Tokoh Siswa 2013 di Terengganu.

ANUGERAH TOKOH SISWA 2014



SUKAN

ATLET UPM WAKILI NEGARA DALAM SUKAN KOMANWEL GLASGOW, SCOTLAND

23 pelajar UPM yang juga merupakan atlet negara telah mewakili Malaysia dalam Kejohanan Sukan Komanwel di Scotland. Acara yang disertai oleh pelajar UPM ialah ragbi (3 atlet), hoki (8 atlet), olahraga (1 atlet), terjun (1 atlet), renang (2 atlet), gimnastik (1 atlet), menembak (2 atlet), skuasy (2 atlet) dan angkat berat (1 atlet).

ATLET UPM WAKIL NEGARA DALAM SUKAN ASIA, INCHEON, KOREA SELATAN

27 pelajar UPM adalah antara atlet negara yang terpilih mewakili Malaysia dalam Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan. Sumbang bakti atlet tersebut ialah melalui 10 acara sukan, iaitu 5 atlet ragbi, 10 atlet hoki, 2 atlet olahraga, 1 atlet terjun, 2 atlet renang, 1 atlet karate-do, 2 atlet menembak, 1 atlet skuasy, 1 atlet renang berirama dan 2 atlet wushu.

Kejayaan cemerlang atlet UPM dalam Sukan Asia tersebut ialah 3 atlet telah menyumbang pingat perak untuk kontinen Malaysia, iaitu:

- i. Ivan Yuen Chee Wern – Acara Skuasy Berpasukan
- ii. Shree Sharmmi a/p Segaran – Acara Karate (Kumite Bawah 65 kg)
- iii. Cheong Jun Hoong – Acara Terjun (Papan Anjal 3 m)

JUARA KEJOHANAN SUKAN MALAYSIA THAILAND (MASTHAI)

Pasukan ragbi UPM telah dipilih mewakili Malaysia bagi kejohanan Sukan Malaysia Thailand (MASTHAI) 2014 dan berjaya menyempurnakan tanggungjawab tersebut dengan cemerlang apabila meraih kejuaraan setelah menewaskan pasukan ragbi Thailand pada peringkat akhir kejohanan.



NAIB JUARA KEJOHANAN RAGBI 10's, JAKARTA

Walaupun hanya berjaya menempah kedudukan Naib Juara, pasukan ragbi UPM telah menunjukkan mutu permainan

yang amat membanggakan di pentas Asia Tenggara sebagaimana dipamerkan dalam Kejohanan Ragbi 10's di Jakarta.

NAIB JOHAN KEJOHANAN ANTARABANGSA RAGBI HATYAI 7

Kejayaan meraih Naib Juara di pentas antarabangsa bukanlah sesuatu yang mudah. Berbekalkan pengalaman, kualiti permainan dan keazaman yang tinggi menghasilkan barisan pasukan ragbi UPM cukup disegani dalam kalangan universiti

tempatan dan sekali gus mencipta nama di kejohanan antarabangsa sepetimana dibuktikan dalam Kejohanan Antarabangsa Ragbi Hatyai 7 2014.

JOHAN CUP RAGBI 10's PIALA NAIB CANSELOR UPNM

Pasukan Ragbi UPM muncul Johan Cup dalam Kejohanan Ragbi 10's Piala Naib Canselor UPNM 2014.

JOHAN KATEGORI CUP RAGBI 8 IPT

Legasi UPM dalam sukan ragbi terus unggul apabila berjaya meraih Johan Kategori Cup dalam Kejohanan Ragbi Super 8 IPT 2014.



JOHAN CUP RAGBI PENANG 10's

Pasukan ragbi UPM telah muncul Johan Cup dalam Kejohanan Ragbi Penang 10's 2014 yang telah berlangsung di Pulau Pinang.

JOHAN DAN NAIB JOHAN PESTA HOKI ANTARABANGSA USM

Pasukan hoki UPM telah muncul Johan dan Naib Johan bagi Kategori Wanita IPT dan Terbuka Wanita Klasik di Kejohanan Pesta Hoki Antarabangsa USM 2014.

NAIB JOHAN KEJOHANAN LIGA HOKI MASUM DIVISYEN 1

Pasukan hoki UPM muncul Naib Johan dalam Kejohanan Liga Hoki MASUM 2014 Divisyen 1.

JOHAN SEPAK TAKRAW ANTARABANGSA DI UNITED KINGDOM

Pasukan sepak takraw UPM telah mengharumkan nama Malaysia apabila berjaya merangkul juara pada Kejohanan Sepak Takraw Antarabangsa 2014 di United Kingdom. Kejohanan sepak takraw antarabangsa tersebut disertai 16 pasukan termasuk Jerman, Holland, Perancis dan Switzerland.

JOHAN KESELURUHAN 1st BORNEO INTERNATIONAL OUTDOOR ARCHERY CHAMPIONSHIP

Pasukan UPM telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan dalam Kejohanan 1st Borneo International Outdoor Archery Championship 2014, apabila berjaya meraih 7 emas, 4 perak dan 3 gangsa.

JUARA KESELURUHAN KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA UNISZA

Melalui Kejohanan Memanah Terbuka UNISZA 2014, pasukan memanah UPM dipilih sebagai Johan Keseluruhan setelah berjaya merangkul 4 emas, 5 perak dan 4 gangsa.



KEJOHANAN LAWAN PEDANG SIRI 1 IPT-KPM

Pasukan lawan pedang UPM telah memenangi 6 emas, 4 perak dan 4 gangsa dalam Kejohanan Lawan Pedang Siri 1 IPT-KPM 2014.

UPM CEMERLANG DALAM KEJOHANAN LAWAN PEDANG SIRI 2 IPT-KPM

Pasukan UPM telah memenangi 4 emas, 1 perak dan 3 gangsa dalam Kejohanan Lawan Pedang Siri 2 IPT-KPM.

JOHAN BOLA SEPAK PIALA MASUM

Pasukan bola sepak UPM telah mencipta prestijnya yang tersendiri dalam kalangan pasukan bola sepak IPT apabila berjaya memenangi Kejohanan Bola Sepak Piala MASUM 2014.

JOHAN FUTSAL IPT ZON SARAWAK

Pasukan futsal UPM mencipta kecemerlangan di gelanggang IPT Sarawak setelah memenangi Liga Futsal IPT Zon Sarawak 2014.

UPM MENDAPAT TEMPAT KETIGA DI KEJOHANAN LIGA FUTSAL WANITA IPT

Pasukan futsal UPM berjaya mendapat tempat ketiga dalam Kejohanan Liga Futsal Wanita IPT 2014.

JOHAN KESELURUHAN KEJOHANAN OLAHRAGA MASUM

UPM kekal gemilang dalam acara olahraga antara IPT Malaysia dan dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan dalam Kejohanan Olahraga MASUM 2014. Pasukan UPM telah memperoleh 16 emas, 7 perak dan 1 gangsa dalam kejohanan tersebut.

JOHAN BOLA JARING IPT

Pasukan bola jaring UPM muncul Johan dalam Karnival Bola Jaring IPT 2014.

ATLET UPM WAKIL NEGARA DALAM SUKAN UNIVERSITI ASEAN, PALEMBANG, INDONESIA

59 atlet UPM terpilih mewakili kontinjen Malaysia dalam Sukan Universiti ASEAN 2014 yang telah berlangsung di Palembang, Indonesia. Sebanyak 11 acara disertai atlet UPM, iaitu 2 atlet memanah, 7 atlet bola tampar, 1 atlet taekwondo, 5 atlet sepak takraw, 3 atlet Tenis, 2 atlet wushu, 3 atlet bola sepak, 5 atlet lawan pedang, 3 atlet karate-do, 23 atlet olahraga dan 3 atlet renang.

NAIB JOHAN KESELURUHAN SUKIPT

Kejayaan UPM merangkul 53 emas, 31 perak dan 35 gangsa dalam Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 telah meletakkan UPM sebagai pemenang Naib Johan Keseluruhan dalam kalangan institusi pengajian tinggi di negara ini.

JUARA KESELURUHAN SUKAN MASUM FASA 2

Pelajar UPM membuktikan kecemerlangan dalam bidang sukan setelah menerajui Juara Keseluruhan dalam Karnival Sukan MASUM Fasa 2 dengan merangkul 37 emas, 23 perak dan 14 gangsa.

JOHAN PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU-LAGU MELAYU ASLI MAKUM 2014

Residen Artis UPM, Nur Syuhada Suaimi, telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Melayu Asli MAKUM 2014.

PERTANDINGAN NASYID FESTIVAL KESENIAN ISLAM ANTARABANGSA 2014

Kelab Nasyid Nahwan Nur meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Nasyid Festival Kesenian Islam Antarabangsa 2014.

PERTANDINGAN NASYID IPT 2014

Kelab Nasyid Nahwan Nur dinobatkan sebagai Johan Vokal Terbaik Pertandingan Nasyid IPT 2014.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Statistik 2014

A
**STAF
AKADEMIK**

Bilangan Staf Akademik	1,810
Bilangan Staf Akademik Antarabangsa	258
Staf Akademik yang mempunyai PhD	1,553

B
PRASISWAZAH

Bilangan Pelajar Prasiswazah	* 17,126
Pelajar Prasiswazah Antarabangsa	468

C
**SISWAZAH/
PASCASISWAZAH**

Bilangan Pelajar Siswazah/ Pascasiswazah	12,535
Pelajar Siswazah Antarabangsa	3,825

D
PELAJAR

Jumlah Pelajar	* 29,661
Jumlah Pelajar Antarabangsa	4,270
Jumlah Pertukaran Pelajar "Outbound"	717
Jumlah Pertukaran Pelajar "Inbound"	1,143

E
**OUTPUT
SISWAZAH**

Peratusan Graduan Bekerja	82.2%
Bilangan Penganugerahan PhD	391

Termasuk program Diploma dan asasi



Pejabat Strategi Korporat dan
Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
MALAYSIA

